

TARIKH	14 / 10 / 2016	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	40	RUANGAN	



SUASANA lengang di Masjidilharam, kelmarin.

Masih ada 90,000 jemaah belum pulang

Riyadh: Pihak berkuasa Arab Saudi kelmarin berkata, kira-kira 90,000 jemaah haji masih berada di negara itu.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Jabatan Pasport negara itu, 1,235,456 daripada 1,325,372 jemaah warga asing sudah pun meninggalkan negara itu sehingga Selasa lalu.

Sehubungan itu, ia mengingatkan baki jemaah yang masih berada di negara supaya pulang sebelum tempoh visa mereka tamat.

Jabatan berkenaan memberi amaran, mereka yang ditangkap selepas tempoh itu berdepan hukuman berat,

termasuk denda sehingga SR50,000 (RM56,000) dan penjara enam bulan sebelum diusir.

"Tiada jemaah haji dibenar bergerak di luar Makkah, Madinah dan Jeddah mereka tidak boleh bekerja di Arab Saudi," menurut kenyataan berkenaan.

Rakyat tempatan dan pemastautin yang menetap di negara itu juga diingatkan supaya tidak membantu jemaah bersembunyi. Mereka yang berbuat demikian, termasuk membantu dari segi pengangkutan akan didenda SR100,000 (RM112,000) dan penjara enam bulan. Agensi